

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(V)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

1. Adakah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mempunyai rancangan jangka panjang bagi mengatasi isu kesesakan lalu lintas di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam terutamanya di sekitar Pasar Air Itam, Jalan Paya Terubong - Jalan Air Itam dan Jalan Stesen Bukit Bendera?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa memberi perhatian serius terhadap isu kesesakan lalu lintas termasuk di KADUN Air Itam dan sentiasa berusaha dalam menangani isu ini. Oleh yang demikian, perancangan jangka masa panjang telah dibuat bagi melaksanakan cadangan-cadangan pembinaan seperti berikut:

Cadangan Pembinaan Jalan Sambungan dari Jalan Thean Teik ke Jalan Kampung Pisang.

Cadangan Pembinaan Tanjakan Berarah (*Directional Ramp*) untuk pembelokan ke kanan dari Jalan Thean Teik ke Jalan Ayer Itam.

Cadangan Menaik Taraf Persimpangan Lebuhraya Thean Teik / Lorong Batu Lancang.

Cadangan Penyambungan Jalan Thean Teik ke Lebuhraya Thean Teik.

Cadangan pembinaan *By-Pass* dari Lebuhraya Tun Dr.Lim Chong Eu ke Air Itam (bermula pada tahun 2019 dan siap pada tahun 2022)

Selain itu, bagi menangani masalah kesesakan lalu lintas di kawasan Pasar Air Itam dan Jalan Stesen Bukit Bendera, MBPP sedang mengkaji beberapa langkah yang bersesuaian seperti penyediaan jalan alternatif, pelebaran jalan, penempatan semula penjaja dan penyusunan semula aliran lalu lintas. Walau bagaimanapun, perancangan ini masih di peringkat awalan dan kajian-kajian terperinci perlu dibuat dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR).